

UMS bakal anjur persidangan sains sukan peringkat antarabangsa

UB 23.6.13 A14

KOTA KINABALU: Program Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah kepimpinan Profesor Madya Dr. Ismail Ibrahim selaku Dekan sekali lagi mengorak langkah ke hadapan apabila bakal menganjurkan '1st UMS International Sports Science Conference' (UISSCo2013) pada 24 sehingga 26 Jun 2013.

Persidangan ini akan dilangsungkan di Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah UMS. UISSCo2013 merupakan

persidangan antarabangsa yang akan dianjurkan untuk kali pertama. Penganjuran persidangan sains sukan yang terakhir di UMS adalah pada tahun 2005 iaitu Asia Pasific Sports Science Conference (APASSCO).

Persidangan UISSCo 2013 bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu, hasil penyelidikan dan pengalaman berkaitan pelbagai bidang dalam sains sukan. Selain daripada itu, persidangan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli akademik tempatan kepada aplikasi berkaitan sains sukan yang



PROF Jeff Coombes bakal membentangkan berkenaan fisiologi senam.

terkini untuk disesuaikan dengan acuan tempatan. Persidangan ini juga memberi peluang kepada ahli akademik tempatan, jurulatih, pentadbir dan guru sukan untuk mengembangkan pengetahuan mereka dalam bidang sains sukan.

Menurut Pengerusi UISSCo2013 iaitu Dr. Mohamad Nizam Nazarudin, UISSCo 2013 akan menjadi platform kepada pengamal sains sukan di Malaysia untuk menjalin kerjasama dan perkongsian ilmu dalam kalangan peserta dalam dan luar negara. Hasil daripada pembentangan kerja kerja diharapkan



DR Nizam, Pengerusi UISSCo2013.

dapat memberi input kepada pihak yang terlibat dalam sukan khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Kertas pembentangan yang bermutu tinggi akan dipertimbangkan penerbitannya dalam jurnal sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ringkas beliau, penganjuran persidangan ini secara langsung mampu memberi manfaat kepada pihak IPT, KPM dan masyarakat sukan di Malaysia khususnya di Sabah.

Selain pihak KPM, Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah (KBSNS) turut memberikan sokongan dan bantuan. KBNS dibawah



PROF. Zahari, Dr Nizam dan Pathmanathan sedang berbincang pengendalian sesi pra persidangan.

kepimpinan Menteri Belia dan Sukan, YB Datuk Haji Tawfiq Bin Datuk Seri Panglima Hj. Abu Bakar Titingan telah komited dalam memberi sokongan dan galakkan kemajuan sukan di Negeri Sabah khususnya dalam perkongsian ilmu dan kemahiran berkaitan sains sukan. KBNS amat komited dalam usaha membantu mana-mana organisasi yang ingin membantu memajukan sukan di Negeri Sabah. Menteri Belia dan Sukan Sabah turut bersetuju menjadi

Tetamu Kehormat di Majlis Perasmian UISSCo2013 di Hotel Sabah Oriental.

Persidangan ini dijangka akan disertai seramai 300 orang peserta antarabangsa dan tempatan. Hampir 100 kertas kerja bakal dibentangkan. Persidangan tiga hari ini akan melibatkan bengkel pra persidangan, pembentangan poster, pembentangan kertas kerja, pembentangan ucapan utama dan pembentangan jempunan dari dalam dan luar Negara. Pembentangan ucapan utama

dan pembentangan jempunan adalah seperti Profesor Dr. Zahari Bin Taha (Teknologi Sukan), Profesor Madya Dr. Mohd Khairi Zawi (Biomekanik), Profesor Dr. Jeff Coombes (Fisiologi Senam) dan Profesor Dr. Shaharudin bin Abdul Aziz (Psikologi Sukan).

Penganjuran ini turut menjadi kesinambungan usaha menaikkan martabat program sains sukan UMS setelah memperoleh pelbagai kejayaan dan penghargaan.



KAJIAN pencarian bakat di luar bandar sabah akan turut dibentangkan di UISSCo2013.